

**TEKS UCAPAN PERASMIAN**

**YB TUAN LEE TING HAN  
ADUN, PALOH**

**PENGERUSI JAWATANKUASA PELABURAN,  
PERDAGANGAN DAN HAL EHWAL PENGGUNA NEGERI  
JOHOR**

**SEMPENA**

**PERASMIAN**

**PROGRAM KHIDMAT MASYARAKAT, PROGRAM SMILE 3.0,  
ANJURAN PELAJAR PASCASISWAZAH DOKTOR  
KESIHATAN PERGIGIAN AWAM**

**27 MEI 2023 | SELASA | 12.30 TENGAH HARI  
SEKOLAH KEBANGSAAN PENGKALAN TEREH,  
KLUANG, JOHOR**

**Terima Kasih Saudari Pengacara Majlis,**

**Yang Berusaha Profesor Madya Doktor Aida Norashikin**

**Abdul Rahman,**

Dekan Fakulti Pergigian

Universiti Teknologi MARA, Kampus Sungai Buloh

**Yang Berusaha Encik Jarih bin Uni**

Tok Batin Kampung Pengkalan Tereh

**Yang Berusaha Encik Ramli bin Usop**

Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan dan Keselamatan

Kampung Orang Asli Kampung Pengkalan Tereh

**Yang Berusaha Encik Kamarul Zaman bin Ahmad**

Guru Besar Sekolah Kebangsaan Pengkalan Tereh

**Yang Berusaha Doktor Nurliyana binti Roslan**

Pengarah Program SMILE 3.0

**Dif-dif kehormat, para pensyarah Fakulti Pergigian UiTM,**

**Sungai Buloh, guru-guru,**

**Penduduk Kampung Pengkalan Tereh serta hadirin yang**

**dihormati sekalian.**

**[Salutasi – Kemaskini berdasarkan kehadiran]**

**Assalamualaikum, Salam Sejahtera dan Salam  
Malaysia MADANI.**

1. Saya ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada pihak Fakulti Pergigian, UiTM kerana sudi menjemput saya menyertai **PROGRAM KHIDMAT MASYARAKAT** bersempena **PROGRAM SMILE 3.0 ANJURAN PELAJAR PASCASISWAZAH TAHUN DOKTOR KESIHATAN PERGIGIAN AWAM.**
2. Saya difahamkan bahawa program ini telah dimulakan dengan lawatan pra program pada 7 dan 8 Mei yang lalu dan diteruskan pada hari ini dan semalam. Syabas dan tahniah diucapkan kepada semua kerana telah berjaya melaksanakan program berkenaan.

3. Saya berasa amat berbesar hati kerana kita dapat berkumpul bersama-sama bersama penduduk Kampung Pengkalan Tereh, Kluang dalam usaha untuk meningkatkan kesedaran dan mengiktiraf kemajuan Liputan Kesihatan Sejagat dalam kalangan rakyat Malaysia.

4. Dengan mengangkat tema “**Kesihatan untuk Semua, Setiap Senyuman Bermakna**”, saya difahamkan program ini merupakan salah satu inisiatif pihak Fakulti Pergigian UiTM dalam meningkatkan pengetahuan masyarakat dan menggalakkan penggunaan konsep penjagaan diri dalam kalangan masyarakat di Kampung Pengkalan Tereh.

5. Program ini juga bertujuan untuk memperkenalkan akses kepada perkhidmatan penjagaan kesihatan berkualiti tinggi kepada kumpulan yang terpinggir. Ia juga diharapkan dapat menjadi satu medium untuk membangunkan dan menyediakan bahan promosi kesihatan dan lisan yang berdasarkan bukti, dan

sesuai untuk komuniti lokasi yang disasarkan dan kumpulan umur.

**Hadirin yang dihormati sekalian,**

6. Ekuiti adalah penilaian terhadap kesamarataan. Walaupun Malaysia telah berusaha dengan pelbagai rancangan pembangunan sosioekonomi, masalah ketidaksamarataan terhadap akses kepada perkhidmatan kesihatan dan pergigian masih berlaku. Hal ini melibatkan individu dari golongan seperti komuniti orang asli, penduduk luar bandar, orang kurang upaya, pendatang, dan golongan miskin termiskin.

7. Akses terhadap perkhidmatan kesihatan pergigian bagi golongan-golongan ini masih rendah, walaupun perkhidmatan ini sebenarnya disediakan untuk semua golongan di Malaysia. Fakta ini sejajar dengan *inverse care law*, yang menyatakan bahawa fasiliti kesihatan bergantung kepada kuasa pasaran yang aktif, dan individu dari golongan tertentu seringkali mempunyai akses

paling sedikit kepada perkhidmatan kesihatan. Antara kekangan untuk mendapatkan perkhidmatan penjagaan kesihatan pergigian adalah kos dan akses kepada klinik-klinik disebabkan lokasi yang berjauhan.

8. Perasan takut, kekangan masa, dan kurang prihatin terhadap masalah kesihatan mulut telah dikenal pasti sebagai halangan kepada penggunaan perkhidmatan kesihatan pergigian di Malaysia.

9. Memenuhi tuntutan setiap individu adalah sesuatu yang sukar dan mencabar, memandangkan setiap individu mempunyai hak untuk mendapatkan perkhidmatan kesihatan pergigian dan penjagaan kesihatan yang sama. Sejajar dengan matlamat Malaysia untuk menjadi sebuah negara berpendapatan tinggi, peningkatan terhadap penjagaan kesihatan harus menjadi keutamaan. Sehubungan dengan itu, usaha Program SMILE 3.0

untuk fokus dalam meningkatkan kesedaran dan mengiktiraf kemajuan ke arah kesihatan sejagat amat dialu-alukan.

10. Mengikut Kaji Selidik Kesihatan Pergigian Orang dewasa 2010 mendapati 9 daripada 10 orang dewasa menghidap penyakit gusi. Ini amat merisaukan. Oleh itu, adalah penting untuk kita semua untuk mendapatkan pemeriksaan kesihatan pergigian sekurang- kurangnya sekali setahun. Agar doktor gigi dapat mengenal pasti masalah dalam mulut kita dan seterusnya memberikan rawatan yang baik.

11. Jadi, saya menyeru tuan-tuan dan puan-puan termasuk diri saya untuk sentiasa berjumpa dengan doktor gigi bertauliah agar kesihatan gigi kita ini kekal sehingga ke akhir hayat.

**Hadirin yang saya hormati sekalian,**

12. Akhir kata, setinggi-tinggi ucapan terima kasih, ikhlas daripada saya kepada tuan-tuan dan puan-puan khususnya

kepada Dekan Fakulti Pergigian UiTM Yang Berusaha Profesor Madya Doktor Aida Norashikin Abdul Rahman, pihak Universiti Teknologi MARA, pihak Sekolah Kebangsaan Pengkalan Tereh, warga Kampung Pengkalan Tereh dan semua pihak yang terlibat di atas komitmen dan kerjasama yang diberikan untuk menjayakan majlis pada hari ini. Saya berharap program seperti ini akan diteruskan lagi pada masa akan datang.

13. Dengan lafaz Bismillahirrahmanirrahim, saya dengan penuh rasa besar hati merasmikan **PROGRAM KESEDARAN KESIHATAN PERGIGIAN BERSAMA PENDUDUK KAMPUNG PENGKALAN TEREH BAGI PROGRAM SMILE 3.0.**

Sekian, terima kasih.